



Iskandar Zulkarnain ketua cabaran negara ke Ho Chi Minh.

# BAM senarai 6 prospek raih pingat

BH - 13/1/2017 (M/S 46)

**Kuala Lumpur:** Persatuan Badminton Malaysia (BAM) menyenaraikan enam pemain bagi dicadangkan kepada Institut Sukan Negara (ISN) untuk menyertai Program Podium.

Timbalan Presiden BAM Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria, berkata pemilihan itu dibuat selepas keenam-enam pemain itu dilihat memenuhi tiga kriteria ditetapkan ISN.

“Tiga kriteria itu ialah pemain mempunyai prospek untuk mendapat pingat di Sukan Olimpik, Asia dan Komanwel,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat

Jawatankuasa Kejurulatihan dan Latihan (CTC) di sini, semalam.

Enam pemain yang dipilih ialah perseorangan lelaki negara Iskandar Zulkarnain Zainuddin, perseorangan wanita Goh Jin Wei, beregu campuran Tan Kian Meng-Lai Pei Jing serta beregu lelaki Teo Eei-Ong Yew Sin.

## Kaji skim insentif

“ISN mahu persatuan sukan mengemukakan nama pemain yang kemungkinan memenuhi kriteria baharu mereka,” katanya.

Sementara itu, Norza yang



Tiga kriteria itu ialah pemain mempunyai prospek untuk mendapat pingat di Sukan Olimpik, Asia dan Komanwel”

**Mohamad Norza Zakaria,**  
Timbalan Presiden BAM

juga Pengerusi Jawatankuasa Kejurulatihan dan Latihan (C&T) berkata, badan induk itu juga akan mengkaji semula skim insentif kepada pemain yang meraih pencapaian membarangsangkan.

“Jika dulu kita tidak pernah membincangkannya kerana hanya (Datuk) Lee Chong Wei saja yang sering menduduki ranking pertama dunia.

“Namun, beregu lelaki, Goh V Shem-Tan Wee Kiong juga berada di ranking pertama. Jadi saya sudah arahkan bendahari untuk mengemukakan skim insentif yang baharu,” katanya.